

HARI : RABU

TARIKH : 18/9/2019

M/SURAT : 39

# Minyak masak bernilai RM12,106 disita

Oleh KHAIRUL ABIDIN NUAR

khairul.nuar@utusan.com.my

■ IPOH 17 SEPT.

**S**EBANYAK 4,864 kilogram minyak masak bernilai RM12,106 disita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri di sebuah syarikat pembungkusan minyak masak kerana dipercayai menyelweng barang kawalan itu di sini hari ini.

Operasi pada pukul 11 pagi susulan laporan *Utusan Malaysia* mengenai kecurian subsidi minyak itu turut menahan seorang lelaki tempatan berumur 50-an yang mengaku sebagai pemilik premis untuk dirakam percakapan sebelum dibebaskan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, V. Ravichandran berkata, hasil siasatan awal mendapat syarikat berkenaan mempunyai lesen borong barang kawalan minyak masak yang sah.

"Namun begitu, pemilik premis mengakui gagal menyelenggara buku stok minyak masak seperti diperuntukkan undang-undang.

"Semakan ke atas rekod penjualan pula mendapat syarikat berkenaan disyaki menjual minyak masak kepada pembeli yang tidak mempunyai lesen atau kebenaran sah daripada Pengawal Bekalan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari.

Dalam pada itu, Ravichandran berkata, bertindak atas laporan *Utusan Malaysia* juga,

pihaknya turut menjalankan pemeriksaan dan pengauditan ke atas 22 buah syarikat pembungkusan minyak masak di seluruh Perak.

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan bekalan semasa minyak masak adalah mencukupi untuk kegunaan pengguna di negeri ini.



PENGUAT KUASA Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memeriksa bekalan minyak masak di sebuah syarikat pembungkusan minyak masak di Ipoh, Perak, semalam. - IHSAN KPDNHEP